

Kg Gelam bakal jadi kawasan runcit pertama berdaya digital

► **ADLI YASHIR KUCHIT**
adli@sph.com.sg

FASA pertama bagi perubahan kawasan Kampong Gelam menjadi sebuah kawasan runcit pertama yang berdaya digital di Singapura akan dilancarkan pada separuh kedua tahun ini, kata Menteri Perhubungan dan Penerangan, Dr Yaacob Ibrahim.

Perkembangan itu diumumkan Dr Yaacob semasa perbahasan Belanjawan bagi Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI) di Parlimen semalam.

Projek itu antara inisiatif Penguasa Pembangunan Infokom Media Singapura (IMDA) yang menyokong perubahan dalam sektor logistik dan runcit.

Di bawah projek itu, IMDA bekerjasama dengan Spring, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) dan Persatuan One Kampong Gelam untuk membangunkan Kampong Gelam menjadi kawasan runcit berdaya digital yang pertama di Singapura.

“Kami akan membantu peniaga yang berminat di Kampong Gelam, menggunakan huraian digital untuk meningkatkan operasi perniagaan mereka.

“Ini termasuk menggunakan sistem jualan

bersepadu yang membolehkan pembayaran tanpa tunai, pemantauan inventori dan perakaunan kewangan,” ujar Dr Yaacob.

Dengan mengautomatiskan proses pentadbiran di belakang tabir itu, Dr Yaacob berkata peniaga akan mempunyai lebih banyak masa menjaga produk dan melayani pelanggan mereka.

Beliau menambah: “Kami sedang bekerjasama dengan StarHub mengenai penyelesaian perniagaan ini untuk para pedagang.

“Kami juga meningkatkan pengalaman pelawat dengan membangunkan produk digital, seperti jejak jelajah imersif dan bekerjasama dengan Sekolah Perniagaan Politeknik Temasek untuk meningkatkan kehadiran peniaga di ruang dalam talian.”

Dalam pada itu kerjasama juga akan dijalin dengan syarikat Grab untuk menawarkan pilihan bayaran tanpa tunai tambahan dan meningkatkan akses ke kawasan tersebut.

“Tentunya kedai-kedai akan mendapat manfaat daripada lebih banyak pelanggan di Kampong Gelam,” ujar Dr Yaacob.

Di Parlimen, para Anggota Parlimen (AP) telah mengemukakan pelbagai soalan merentas usaha membangun masa depan digital, sokongan bagi pekerja menangani perubahan digital dan peluang dan cabaran dalam indus-

tri infokom media seperti keselamatan siber dan pembangunan bahan tempatan.

Memulakan perbahasan, Encik Zaqy Mohamad (GRC Choa Chu Kang) memerhatikan industri dan perniagaan kian diselubungi gangguan digital.

Namun beliau berkata trend itu membuka peluang kepada firma startup berasaskan teknologi dan infokom menjadi sektor pertumbuhan utama dalam ekonomi masa depan negara ini.

“Ini kerana sektor itu menjanjikan peluang pekerjaan yang baik, perniagaan yang lebih kukuh dan mutu kehidupan yang baik” kata Encik Zaqy.

Beliau berkata MCI menjangkakan bahawa sektor itu akan menyediakan lebih 13,000 pekerjaan di peringkat PMET (profesional, pengurus, eksekutif dan teknisyen) menjelang 2020.

Namun, selain membuka peluang, dunia digital juga mengemukakan cabaran seperti keselamatan siber.

Dalam hal ini Encik Zaqy ingin tahu apakah antara usaha terkini pemerintah demi menangani cabaran tersebut.

Memberikan respons, Dr Yaacob berkata sebuah hab yang menggalak pembangunan ekosistem keselamatan siber akan dilancarkan.

Usaha itu akan dilaksanakan Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Singtel dengan sokongan pemerintah.

Turut dibincangkan semalam ialah usaha membangunkan bakat mahir dalam sektor infokom dan teknologi.

Sebagai contoh, lebih banyak peluang latihan akan disediakan di bawah Skim Pemacu Kemahiran Teknologi (TeSA).

Mendedahkan butiran perluasan skim itu, Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan merangkap Pendidikan) Dr Janil Puthuchery berkata TeSA akan turut bekerjasama dengan industri bagi memperkenalkan lebih banyak program seperti kecerdasan buatan (AI), analitik data dan keselamatan siber.

Usaha mempelbagaikan kandungan tempatan juga ditangani semasa Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan merangkap Kesihatan) Chee Hong Tat mengambil giliran berhujah.

Encik Chee antara lain menyenaraikan pelbagai usaha pemerintah bekerjasama dengan industri media untuk menyediakan lebih banyak kandungan tempatan.

Ini termasuk kerjasama syarikat media Singapura Press Holdings (SPH) dengan IMDA menghasilkan video ringkas.

S'pura bakal tubuh hab keselamatan siber bantu firma baru teroka ciptaan baru

SINGAPURA bakal menubuhkan hab bersepadu keselamatan siber pertama dalam usaha untuk membantu syarikat baru meneroka bidang ekonomi digital.

Antara bantuan tersebut termasuk menyalurkan dana demi menyokong ciptaan baru bagi memastikan kedudukan Singapura dalam ekonomi tersebut.

Hab tersebut, yang dinamakan Ekosistem Inovasi Keselamatan Siber @ Block71 (ICE71), menyasarkan untuk membantu dan membentuk sekitar 100 usahawan dan 40 syarikat baru selama dua tahun.

Ia akan membuka pintunya kepada usahawan keselamatan siber mulai bulan depan.

Hab tersebut terletak di kawasan bahagian usaha niaga Singtel, Innov8, dan NUS Enterprise di kawasan bangunan-bangunan industri di Ayer Rajah Crescent yang juga dikenali sebagai "Block 71".

Kawasan tersebut kini memuatkan sekitar 700 syarikat baru teknologi.

Tujuannya adalah untuk membimbing usahawan dalam memastikan bahawa idea perniagaan mereka kekal munasabah dan sama ada mereka mempunyai keupayaan kewangan dan perniagaan yang diperlukan demi memajukan idea mereka.

Syarikat-syarikat baru juga bakal menerima bantuan dalam usaha memperluaskan jangkauan mereka ke pasaran luar negara dan diberikan akses kepada dana yang bertujuan untuk menyokong usaha niaga.

Penguasa Pembangunan Infokom Media Singapura (IMDA) dan Agensi Keselamatan Siber (CSA) berkerjasama dengan Singtel dan Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk melancarkan ICE71.

SEKILAS

HAB BERSEPADU KESELAMATAN SIBER PERTAMA UNTUK SYARIKAT BARU

- ▶ Hab bersepadu keselamatan siber pertama demi menyokong syarikat baru
- ▶ ICE71 merupakan kerjasama antara IMDA, CSA, Singtel dan NUS.
- ▶ Sasar sekitar 100 usahawan dan 40 syarikat baru atau start-up dalam tempoh dua tahun.

SKIM PEMACU KEMAHIRAN TEKNOLOGI YANG DIPERLUAS

- ▶ Penambahan 20,000 tempat latihan menjelang 2020 dengan menyalurkan \$145 juta kepada program tersebut.
- ▶ Lebih banyak program dan kursus jangka masa panjang dan lebih tertumpu kepada permintaan pekerjaan.

RANGKA KERJA INVOIS ELEKTRONIK

- ▶ E-invois merupakan pengeluaran, penukaran dan memproses permintaan bayaran secara automatik antara pembekal dengan pembeli menggunakan format digital.

KURIKULUM KEMAHIRAN DIGITAL ASAS

- ▶ Kursus kemahiran digital yang ditawarkan untuk membantu warga emas dalam menggunakan teknologi, seperti menggunakan telefon bijak.
- ▶ Ditawarkan melalui hab pembelajaran infokom atau Silver Infocomm Junction (SIJ)

PERANAN PERPUSTAKAAN DALAM MENGGALAK PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- ▶ Kerjasama dengan SkillsFuture Singapore (SSG) untuk menawarkan SkillsFuture@Libraries demi menyokong pergerakan tersebut dan membantu individu untuk membuat keputusan dengan baik berkenaan latihan dan kerjaya.
- ▶ Menyediakan khidmat dan program demi membantu warga Singapura, terutama sekali warga emas, mendakap perubahan digital atau Digital Readiness (DR)

Menteri Perhubungan dan Penerangan Dr Yaacob Ibrahim mengumumkan langkah-langkah tersebut semasa perbahasan mengenai kementerianannya di Parlimen semalam.

"Ekosistem keselamatan siber yang bertenaga merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keselamatan siber nasional yang kukuh," kata Dr Yaacob.

Beliau bersetuju dengan apa yang dikatakan Encik Zaqy Mohamad (GRC Chua Chu Kang) dan menyentuh

apa yang dikatakan Cik Sun Xueling (GRC Pasir Ris-Punggol) tentang bagaimana keterhubungan Singapura membuatnya lebih terdedah kepada serangan.

Selain itu, CSA juga bakal melancarkan skim pendanaan baru untuk meningkatkan perkembangan yang boleh menepati keperluan keselamatan nasional, dengan pegangan bahawa inovasi merupakan langkah utama untuk berada kekal di hadapan penyerang siber.

Bidang tumpuan termasuk forensik, *Internet Of Things* (IOT) dan khidmat keselamatan yang dikendalikan.

Dana sehingga \$500,000 akan diberikan kepada projek-projek yang layak dan dikendalikan syarikat yang berdaftar di Singapura.

Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada tenaga kerja yang digunakan dalam projek tersebut hendaklah dari warga Singapura atau penduduk tetap.

Ini bertujuan untuk membangunkan lebih banyak syarikat tempatan yang berpeluang untuk memiliki sebahagian daripada pasaran keselamatan siber yang lumayan, yang dijangka menarik perbelanjaan sebanyak AS\$105 billion (S\$138 billion) menjelang 2020, menurut anggaran global oleh syarikat kajian pasaran IDC.

Menurut Dr Yaacob, pasaran keselamatan siber Singapura boleh menjana keuntungan sebanyak \$900 juta menjelang 2020.

Beliau turut mengumumkan inisiatif untuk menentukan rangka kerja invois elektronik bagi perniagaan di Singapura sedang diusahakan demi mempercepatkan proses pembayaran bagi perniagaan.

Invois elektronik atau E-invois merupakan pengeluaran, penukaran dan memproses permintaan bayaran secara automatik antara pembekal dengan pembeli menggunakan format digital yang berstruktur.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan MCI semalam, IMDA akan bekerjasama dengan agensi pemerintah relevan, rakan kongsi industri dan persatuan perniagaan seperti Persekutuan Perniagaan Singapura (SBF) untuk meneroka piawaian e-invois dan rangka kerja yang sesuai untuk diguna pakai oleh perniagaan di Singapura.